

## TANGGUNGJAWAB MEDIA DALAM RMK 9

Baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan tender bagi 880 projek pembangunan baru yang akan dilaksanakan dalam RMK 9 bernilai RM15 bilion. Projek-projek ini adalah merupakan 7.5 peratus daripada nilai keseluruhan peruntukan RM200 bilion untuk RMK-9 yang akan mengambil masa lima tahun perlaksanaannya.

Projek pembangunan peringkat fasa pertama ini akan merangkumi pembinaan lebih daripada 450 sekolah rendah dan menengah, jalan, projek perbekalan air dan sebagainya. Kerajaan juga telah mengumumkan inisiatif untuk memastikan ketelusan dan kejayaan projek fasa pertama RMK 9 ini dengan YAB Perdana Menteri sendiri akan mengetuai pemantauan semua projek kerajaan di samping mewujudkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Direktorat Pelaksanaan Negara.

Merujuk kepada pengalaman lalu, seharusnya diingatkan rakyat Malaysia telah disajikan dengan pelbagai berita mengenai projek kerajaan bermasalah yang menelan belanja jutaan ringgit. Di antaranya ialah kejadian tanah runtuh di laluan Lebuh raya Lembah Klang (NBKVE) ke Kuala Lumpur dan di Kilometer 302 Lebuh raya Utara Selatan berhampiran Gua Tempurung, kejadian helicopter dan jet pejuang terhempas, keretakan di 31 daripada 33 tiang jejambatan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) Kepong, projek pembinaan sekolah terbengkalai di seluruh Malaysia, Hospital Besar Sultan Ismail di Johor yang diserang kulat dan kerugian yang melibatkan bangunan Perdagangan di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sekiranya dijumlahkan kerugian yang ditanggung oleh kerajaan bagi kegagalan dan kelemahan projek di atas ianya mencecah angka billion ringgit. Ini tidak termasuk jumlah pampasan yang akan diberikan kepada Gerbang Perdana akibat pembatalan projek jambatan Johor-Singapura.

Bagi memastikan RMK 9 berjalan sepertimana yang dirancang, pihak media memerlukan memainkan peranan yang amat besar. Peranan media yang lebih aktif dan efisien bagi maksud pendedahan projek bermasalah di seluruh negara. Ini memandangkan pendedahan daripada media lebih mencerminkan keikhlasan berbanding pendedahan yang dibuat oleh pihak pembangkang yang selalu dikaitkan dengan motif politik. Langkah Menteri Pelajaran, Hishammuddin Hussein untuk memperkenalkan kepada umum pemaju yang memperoleh projek kementerian itu di bawah RMK-9 merupakan titik tolak yang amat baik. Pemaju itu perlu berucap pada majlis pecah tanah dan berjanji secara terbuka bahawa projek tersebut akan siap sempurna mengikut jadual.

Langkah-langkah yang setimpal, efisien, hikmah dan terancang perlu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan iaitu demi kebaikan semua rakyat Malaysia. Berdasarkan pemerhatian masyarakat pada masa kini, masih ada keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan bagi mengatasi dan membendung masalah yang tersebut di atas. Tunaikanlah kepercayaan rakyat yang telah diberikan pada pilihanraya lalu dan marilah bersama-sama merealisasikan hasrat murni negara iaitu ke arah pembentukan bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang. **ZULKIFLI HASAN.**